

|             |   |              |                           |
|-------------|---|--------------|---------------------------|
| Headline    | <b>UPM jual produk tani di tapak ekspos</b> | Language     | <b>MALAY</b>              |
| Date        | <b>21. Oct 2008</b>                         | Page No      | <b>19</b>                 |
| Media Title | <b>Harian Metro</b>                         | Article Size | <b>129 cm<sup>2</sup></b> |
| Section     | <b>Setempat</b>                             | Frequency    | <b>Daily</b>              |
| Circulation | <b>336603</b>                               | Color        | <b>Full Color</b>         |
| Readership  | <b>2192000</b>                              | AdValue      | <b>5948.46</b>            |



## >UPM jual produk tani di tapak ekspos

**S**ERDANG: Sejak dengan kepakarannya sebagai universiti pendokong bidang pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM) turut memperdagangkan pelbagai produk pertaniannya kepada pengunjung ekspos sempena konvokeyan ke-32 universiti itu.

Bermula Sabtu lalu hingga esok, orang ramai yang menginginkan tumbuhan jenis ulaman mahupun buah-buahan berpeluang mendapatkannya di ekspos tani berkenaan yang diadakan di Dataran Panggung Percubaan UPM, di sini.

Penolong Pegawai Pertanian, Taman Pertanian Universiti, Junizawati Mohd Zin (gambar), berkata pihaknya membawa pelbagai produk



untuk dijual kepada pengunjung termasuk durian klon D197 yang dikenali Raja Kunyit.

Katanya, seperti tahun sebelumnya, tumbuhan berbuah mendapat

keutamaan pengunjung terutama mereka mempunyai kebun, malah pihaknya menawarkan harga istimewa mengikut apa ditetapkan pihak universiti sebagai tarikan.

“Di sini setiap anak pokok dijual pada kadar RM8 hingga RM25 bergantung kepada nilai masing-masing malah pengunjung dijanjikan baka pokok terbaik daripada UPM seperti durian D197 yang ketika ini mendapat perhatian ramai.

“Selain itu, kami bekalkan pengunjung buku panduan memilih klon durian di dalamnya tertera pelbagai maklumat mengenai klon durian terbaik dihasilkan universiti ini,” katanya.